

KASIH SAYANG DALAM "INSPIRASI CINTA": PENCIPTAAN KARYA BERDASARKAN TEORI PARADIGMA NARATIF

LOVE HIGHLIGHTED IN THE BOOK OF "INSPIRASI CINTA": THE WORK CREATED BASED OF NARRATIVE PARADIGM THEORY

Siti Noorisa Abdul Khilil
Dewan Bahasa dan Pustaka
50460 Kuala Lumpur, Malaysia

Saiful Bahri Md Razi
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor, Malaysia

Email : sitinoorisa@dbl.gov.my

Abstrak

Tujuan kajian ini adalah untuk memperlihatkan kepada masyarakat bahawa karya sastera, terutamanya sastera remaja bukan sekadar bahan hiburan semata-mata. Malah, karya sastera ini adalah sebagai santapan minda bagi mendidik anak bangsa ke arah kebaikan. Kajian ini menggunakan kumpulan cerpen remaja *Inspirasi Cinta* oleh Rozninah Abd. Azib sebagai batasan kajian. Kajian dilakukan dengan mengaplikasikan teori paradigma naratif berdasarkan tiga prinsip koheren, iaitu koheren struktural, koheren material dan koheren perwatakan untuk menentukan kebenaran penyampaian pengarang dalam karya melalui aliran atau pergerakan cerita.

Kata Kunci: Teori Paradigma Naratif, Koheren, *Inspirasi Cinta*

Abstract

The aim of this study was to prove to the public that the literary work, especially adolescent literature is not just an entertainment but educating young people towards goodness. This study used a collection of teen's short stories which is Inspirasi Cinta by Rozninah Abd. Azib as the study limitation. The study was conducted by the application of narrative paradigm theory based on three coherent principles, namely structural, material and characterization. These principles were to determine the truth of the author's presentation through the flow of the stories.

Keywords: Narrative Paradigm Theory, Coherent, "Inspirasi Cinta"

1.0 Pengenalan

Selagi cinta, kasih sayang dan rindu itu wujud dan bertapak di sudut hati manusia, selagi itulah karya yang bertemakan seumpama ini terus hidup. Tidak dapat dinafikan bahawa, kemunculan segelintir penulis pada hari ini adalah bermula dengan tema kasih sayang. Dalam konteks ini, kasih sayang adalah sebahagian daripada keperluan hidup yang perlu dilayan dan diisi oleh setiap manusia. Seperti juga keperluan untuk makan, minum dan keperluan mendapatkan tempat tinggal, kasih sayang menjadi fitrah yang tidak boleh dipinggirkan dan dibuang sama sekali.

Kasih sayang antara tema yang besar pengaruhnya terhadap penghasilan dan perkembangan sastera, terutamanya sastera remaja. Penghasilan karya yang menggunakan tema kasih sayang ini adalah sebagai cara atau kaedah dalam menyuburkan perasaan ini dalam kalangan pembaca. Karya remaja banyak menonjolkan perkara yang positif, perkara kebaikan serta perkara yang memberikan pengajaran dan teladan, secara tidak langsung boleh menjadi medium

untuk meningkatkan motivasi kepada golongan pembaca khususnya golongan remaja dalam mengejar dan mencapai matlamat dalam kehidupan mereka.

2.0 Objektif Kajian

Kajian ini diperincikan bagi mencapai objektif seperti berikut:

1. Menganalisis daya ungkap yang digunakan oleh pengarang berlandaskan Teori Paradigma Naratif.

3.0 Pendekatan Kajian

Teori paradigma naratif adalah salah satu daripada teori komunikasi. Teori ini diperkenalkan oleh Walter Fisher (1979). Menurut Walter Fisher, manusia adalah pencerita dan pertimbangan nilai, emosi dan estetika menjadi dasar dalam membentuk perilaku manusia (Richard West & Lynn H.Tuner 2008:15). Secara mudahnya, manusia lebih mudah terpengaruh dengan cerita yang bagus berbanding dengan pendapat yang baik. Pendukung teori ini percaya bahawa kehidupan juga adalah bentuk narasi. Fisher membandingkan pendekatan naratif ini dengan paradigma rasional yang memperlihatkan pemikiran Barat. Beliau memperkenalkan istilah "pergeseran paradigma", iaitu cara kebanyakan manusia melihat dunia dan maknanya. Walter Fisher menjelaskan pergeseran paradigma dengan menceritakan kembali sejarah paradigma yang mengarahkan kepada pemikiran Barat. Logos atau logik dibezakan dengan mitos (kisah dan emosi) yang seringkali dianggap lebih bersifat negatif. Cara berfikir sebagai logik banyak digunakan oleh para ilmuwan dan dikatakan sebagai paradigma dunia rasional. Paradigma naratif diperkenalkan rentetan daripada perbezaan antara logik dengan mitos. Hal ini dikatakan demikian kerana teori ini memperlihatkan cara yang berbeza daripada paradigma dunia rasional. Cerita atau mitos terkandung dalam


komunikasi manusia (bahkan yang melibatkan logik) kerana semua pendapat merangkumi idea yang tidak dapat dibuktikan dengan sah. Idea ini muncul dalam metafora, nilai dan tindak-tanduk, kemudiannya berusaha untuk menghubungkan antara logos (pendapat rasional) dengan mitos (cerita atau narasi). Walter Fisher berusaha memperlihatkan paradigma naratif sebagai penggabungan logik dan estetika, namun turut menekan bahawa logik naratif berbeza daripada logik dan pemikiran tradisional (Richard West dan Lynn H. Tuner 2008:16).

Selain itu, Walter Fisher mengemukakan lima anggapan yang terkandung dalam teori paradigma naratif, iaitu manusia pada dasarnya ialah pencerita, keputusan mengenai harga dari cerita didasarkan pada pertimbangan yang sihat, manakala pertimbangan yang sihat dipengaruhi oleh sejarah, biografi, budaya dan karakter. Narasi dianggap rasional bergantung kepada penilaian pembaca mengenai kebenaran cerita dan manusia yang mengalami dunia sebagai dunia yang diisi dengan cerita dan harus memilih daripada cerita yang ada.

Teori Paradigma naratif ini melibatkan penceritaan dan naratif rasional yang melibatkan koheren serta kebenaran dari aspek logik daripada pertimbangan yang sihat. Naratif dikaitkan dengan cerita, namun menurut Walter Fisher, naratif lebih daripada cerita yang sekadar memiliki plot awal, pertengahan dan akhir. Semua komunikasi dikatakan sebagai naratif yang tidak hanya tertumpu kepada satu genre sahaja, sebaliknya bentuk pengaruh sosial kerana semua kehidupan manusia disusun daripada cerita atau naratif.

Satu kaedah diperlukan untuk menilai kebenaran cerita yang disampaikan sama ada boleh dipercayai ataupun tidak. Menerusi teori paradigama naratif, manusia memperoleh kaedah untuk menilai narasi ataupun cerita melalui prinsip koheren.

Koherensi adalah hubungan antara bahagian cerita dengan cerita yang lain. Setiap bahagian menunjukkan kesinambungan dan jalinan idea yang ditentukan sama ada berada di bawah aspek naratif rasional atau tidak. Koherensi adalah kaedah yang penting dalam menilai rasional naratif, dan pada akhirnya menentukan apakah seseorang menerima naratif tertentu atau menolaknya. Koherensi sering kali diukur oleh elemen organisasi dan struktural daripada naratif. Ketika pencerita menyampaikan ceritanya, dia membicarakan banyak isu sehinggakan berlakunya ketinggalan maklumat atau terlupa untuk menyampaikan isu yang lebih penting yang menyebabkan aliran ceritanya berubah. Oleh sebab itu, berlaku penambahan cerita dan ketinggalan maklumat menyebabkan keseluruhan cerita yang disampaikan tidak mengalir dengan lancar dan pembaca tidak menemukan maksud yang disampaikan oleh pengarang. Atas prinsip koheren, pendengar kemungkinan menolak cerita yang disampaikan kerana tidak memiliki koherensi.



Rajah 1: Prinsip yang Terkandung dalam Konsep Koheren.

Rajah 1 menunjukkan prinsip yang terkandung dalam koheren. Koheren struktural adalah koheren yang merujuk kepada aliran cerita yang jelas dan mengikut kronologi. Koheren material pula bermaksud koheren yang merujuk kepada aliran satu cerita dengan cerita berikutnya yang saling berurutan. Koheren karakter logikal (perwatakan) pula adalah kaedah yang lebih menjurus kepada watak dalam cerita.

Perwatakan yang menyokong watak dalam cerita sehingga menyebabkan pembaca percaya kepada watak itu.

4.0 Analisis Kajian

Kumpulan cerpen remaja *Inspirasi Cinta* mengandungi 16 cerpen yang mengisahkan remaja dan orang dewasa yang berada di sekeliling mereka. Segala rasa, impian dan mesej disalurkan kepada pembaca melalui pelbagai cara, antaranya suara hati remaja sendiri yang menjadi watak utama dalam cerpen, dan suara hati orang dewasa, melalui watak nenek, datuk, ibu dan bapa serta guru.


Jadual 2: Senarai Cerpen yang Dipecahkan Mengikut Tema

Bil	Tajuk Cerpen	Tema
1.	<i>Keranamu Fasya Alia.</i>	Sosial.
2.	<i>Hidup Umpama Pusingan Roda.</i>	Sosial.
3.	<i>Cinta Maya.</i>	Kasih Sayang.
4.	<i>Cikgu Nora Farlina.</i>	Sosial.
5.	<i>Mengapakah Kau Pilih Aku?</i>	Kasih Sayang.
6.	<i>Martabat.</i>	Sosial.
7.	<i>Bilakah Mimpiku Akan Menjadi Nyata.</i>	Kasih Sayang.
8.	<i>Apabila Paiche Mengganas!</i>	Kasih Sayang.
9.	<i>April yang Mempertemukan Kita.</i>	Kasih Sayang.
10.	<i>Katakan Tidak!</i>	Kasih Sayang.
11.	<i>Peluang Kedua.</i>	Kasih Sayang.
12.	<i>Inspirasi Cintaku.</i>	Kasih Sayang.

- | | | |
|-----|------------------------------------|---------------|
| 13. | <i>Azrai dan Amirul.</i> | Kasih Sayang. |
| 14. | <i>Jalan ke Syurga.</i> | Kasih Sayang. |
| 15. | <i>Lingkar Pelangi Aidilfitri.</i> | Kasih Sayang. |
| 16. | <i>Nurasyikin Cucu Kesayangan.</i> | Kasih Sayang. |
-

4.1 Kasih Sayang

Dalam konteks kajian ini, ruang lingkup kasih sayang telah diperincikan kepada dua. Yang pertamanya, tema kasih sayang kepada Pencipta (Allah SWT), yang keduanya, kasih sayang sesama manusia (ibu bapa, adik-beradik dan saudara).



Rajah 3: Senarai Pecahan Cerpen Berdasarkan Tema Kasih Sayang

Dalam kajian ini, satu cerpen dipilih daripada setiap bahagian untuk dianalisis dalam melihat penciptaan karya oleh Rozninah. Dalam menganalisis cerpen

Nurasyikin Cucu Kesayangan dan Katakan Tidak, konsep koheren digunakan untuk memperlihatkan aspek logik dan kebenaran cerita dengan situasi yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini sehingga boleh memberikan impak yang baik kepada pembaca.

Cerpen *Nurasyikin Cucu Kesayangan* mengisahkan Mak Ngah Bibah yang diuji dengan kesihatan. Keuzurannya menyebabkan beliau hanya mampu terlantar di atas tilam dan memerlukan bantuan daripada orang lain bagi menguruskan makan minum dan penjagaan dirinya. Walaupun keadaan kesihatan Mak Ngah Bibah tenat, namun takdir Allah SWT, usianya masih panjang. Disebabkan beberapa peristiwa yang berlaku, maka ada dalam kalangan ahli keluarganya menyebarkan cerita bahawa Mak Ngah Bibah ini pengamal ilmu hitam.

Pada permulaan cerpen, Rozninah menggambarkan bagaimana keadaan Mak Ngah Bibah yang keuzuran sehingga tidak mampu untuk menguruskan diri sendiri.

Mak Ngah Bibah sudah lama terlantar di atas tilam itu. Keadaannya semakin uzur. Dia tidak mampu menguruskan diri sendiri lagi. Mandi, mengelap tubuh, menyalin dan memakai baju, semuanya menanti jasa anak-anak, menantu atau sesekali cucunya.

(Inspirasi Cinta, 2012:225)

Cerpen ini mula bergerak dengan menampakkan konflik yang ingin ditimbulkan oleh pengarang.

"Entahlah, pak long, tak ada perubahan apa pun. Dah tiga hari kita bacakan Yasin, macam itu juga keadaannya. Tak ada tanda-tanda nak... ."

"His, tak baik cakap begitu!" Pak Leman Sabit menegur dengan keras.

"Betul, Pak Leman, apa yang Hamdan cakapkan itu. Kalau macam itulah keadaan mak, saya dah tak boleh tunggu, cuti saya pun dah nak habis dah. Esok saya kena balik Kuala Lumpur. Dah berapa hari saya di sini, mak tak ada apa-apa tanda, sihat pun tidak ... tanda nak... ."

"Mak kau susah nak mati sebab dia banyak mengamalkan ilmu masa mudanya!" Tiba-tiba Long Johan bersuara, memintas kata-kata Harun.

(Inspirasi Cinta, 2012:228-229)

Berdasarkan petikan di atas, pengarang memperjelaskan mengenai perasaan kasih dan sayang anak kepada ibunya kian terhakis. Keuzuran Mak Ngah Bibah memberikan beban kepada Hamdan, iaitu anak Mak Ngah Bibah. Sepatutnya sebagai anak, menjadi tanggungjawab Hamdan untuk menjaga Mak Ngah Bibah yang berada dalam keadaan tenat. Pengarang menggambarkan sikap Hamdan yang begitu kejam hatinya kerana memperlakukan Mak Ngah Bibah yang telah banyak berkorban membesarkannya. Seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang daripada kedua-duanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan 'ah', dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)."

(Surah al-Isra', 17:23)

Pada pengakhiran cerita, pengarang menggambarkan bahawa ajal dan maut itu ketentuan daripada Allah SWT.

Deringan telefon yang bertalu-talu mengejutkan Hamdan daripada lenanya. Di talian sana, dia mendengar suara orang yang bercakap dengannya dalam sendu. "Abang Harun dah tak ada dah, abang long. Kami kemalangan. Kami di hospital ni."

Terbuntang mata Hamdan mendengar berita itu.

"Mak, mak, Harun dah tak ada, mak." Hamdan menerpa Mak Ngah Bibah yang juga sudah kaku dengan wajah tenang. "Mak1 Mak pun dah pergi. Emak!"

(Inspirasi Cinta, 2012:241)

Pengarang menggambarkan bahawa, Hamdan dikejutkan dengan berita pemergian adiknya, Harun akibat kemalangan. Lebih menyedihkan, Mak Ngah Bibah turut dijemput Ilahi.

Dalam menganalisis cerpen Nurasyikin Cucu Kesayangan, aspek koheran perwatakan digunakan bagi memastikan penghasilan karya ini berjaya menimbulkan aspek logik dalam kalangan pembaca. Rozninah menggunakan beberapa watak protagonis dalam cerpen ini, antaranya seperti Mak Ngah Bibah, Nurasyikin dan Imam Jamil. Beberapa watak sampingan lain dihidupkan oleh pengarang, seperti watak Hamdan dan Long Johan untuk menimbulkan konflik kepada penceritaan.

Watak Mak Ngah Bibah digambarkan sebagai hamba yang bersyukur kepada Allah SWT walaupun nikmat yang Allah SWT berikan kepadanya telah ditarik balik. Beliau diuji dengan sakit tenat yang menyebabkan dia tidak boleh bergerak dan melihat.

Kudrat fizikal Mak Ngah Bibah memang telah diragut oleh Yang Maha Esa, begitu juga nikmat penglihatannya, telah ditarik perlahan-lahan oleh- Nya. Namun begitu, dia bersyukur kerana ingatannya masih kuat, biarpun umurnya sudah 89 tahun- dapatlah dia berzikir dan mengaji dalam hatinya, mana-mana ayat Al- Quran yang dihafalnya; sekurang-kurangnya mengulangi surah *Yasin*.

(Inspirasi Cinta, 2012:226)

Petikan di atas menggambarkan Mak Ngah Bibah sebagai hamba Allah swt yang sentiasa bersyukur. Buktinya, walaupun dia tidak berupaya, namun Mak Ngah Bibah sentiasa memuji Allah swt dengan sentiasa berzikir dan membaca al- Quran. Watak Mak Ngah Bibah yang digambarkan oleh pengarang sebagai contoh ikutan kepada masyarakat di luar sana supaya sentiasa beramal dalam keadaan apa-apa sekalipun. Sidek Baba (2016:25) menyatakan bahawa, secara fitrahnya, manusia memerlukan contoh ikutan dan pedoman supaya amal yang dilakukan tidak sia-sia serta memberikan faedah kepada diri sendiri dan insan lain. Amal tanpa ilmu boleh menyebabkan diri seseorang tersasar. Al-Quran dan sunah adalah sumber yang tepat dan berperanan memandu akal dan hati. Akal yang mendukung ilmu yang benar dan bermanfaat, serta hati yang ditautkan dengan fikir dan zikir bakal menghasilkan amal yang telus dan tulus.

Selain itu, Mak Ngah Bibah juga digambarkan sebagai hamba yang mengerjakan suruhan Allah SWT. Petikan di bawah menunjukkan bahawa Mak Ngah Bibah menunaikan solat.

Mak Ngah Bibah menunaikan solat Isyak dan disudahi dengan solat sunat taubat. Lama Mak Ngah Bibah berdoa dan bertafakur.

(*Inspirasi Cinta*, 2012:240)

Dalam konteks petikan di atas, jelas menunjukkan perbuatan Mak Ngah Bibah ini menggambarkan dia hamba yang menyayangi dan mencintai Penciptanya kerana melakukan segala suruhan Allah SWT.

Pada penghujung cerita, watak Mak Ngah Bibah dimatikan oleh pengarang dengan menggambarkan kemuliaan yang diberikan oleh Allah SWT kepada hamba yang beriman kepada- Nya.

Hamdan menerpa Mak Ngah Bibah yang juga sudah kaku dengan wajah tenang. "Mak! Mak pun dah pergi. Emak!"

(*Inspirasi Cinta*, 2012:241)

Melalui petikan di atas, akhirnya Mak Ngah Bibah mendapat pembalasan yang baik daripada Allah SWT. Segala suruhan Allah SWT dilaksanakan olehnya walaupun dia berada dalam keadaan yang tidak berupaya. Malah Mak Ngah Bibah juga digambarkan sebagai hamba yang sentiasa bersyukur atas segala nikmat yang Allah SWT berikan kepadanya walaupun kudrat dan nikmat penglihatannya telah ditarik oleh Allah SWT.

Dalam cerpen *Katakan Tidak!*, diceritakan tentang keresahan Aku yang berhadapan dengan situasi yang tidak baik. Pengarang menggambarkan watak Aku yang bermonolog mengenangkan hubungan antara *Aku* dengan Rahimi yang semakin renggang. Keadaan ini sudah berlanjutan untuk beberapa bulan dan *Aku* belum berpeluang untuk berjumpa dengan Rahimi bagi menyelesaikan kekusutan ini. Kesibukan *Aku* melunaskan kerja mengehadkan masa *Aku* untuk bersama-sama dengan Rahimi. Walaupun berada di bawah satu bumbung, namun *Aku* dan Rahimi sudah lama tidak bersua muka dan tidak berkomunikasi menjadikan

masalah antara Aku dengan Rahimi semakin tegang. Situasi ini digambarkan seperti dalam petikan di bawah:

Terasa ada yang tidak selari lagi antara Aku dengan anakku, Rahimi. Kami bagaikan tidak segandingan lagi – dari segi pemikiran, dari segi kehendak, dan dari segi arah tuju, semuanya sudah tidak selari dan segandingan lagi. Kami duduk serumah, sebumbung, menggunakan pintu yang sama untuk masuk dan keluar, tetapi tidak pernah sekalipun kami bertembung muka. Pagi, Aku keluar bekerja, Rahimi belum bangun lagi, subuhnya entah ke mana, enak dia berbungkus selimut tebal. Petang, Aku sampai di rumah, Rahimi sudah keluar, tidak balik-balik, kecuali pukul 4.00 pagi.

(Inspirasi Cinta, 2012:143)

Pada peringkat pertengahan cerita, pengarang mula memperlihatkan keadaan sekarang adalah rentetan daripada peristiwa yang pernah dilalui oleh Aku pada masa lalu. Pembaca diberitahu tentang konflik ini melalui teknik imbas kembali iaitu melalui ingatan Aku berhadapan situasi Aku menangkap Fahmi yang sedang merokok.

Kelengkapan perabot di dalam bilik Rahimi, Aku sediakan mengikut kehendaknya. "Adik nak meja tulis macam abang, barulah selesa adik nak belajar." Aku masih ingat lagi permintaannya itu.

Tetapi kini, meja tulis itu sudah tidak nampak rupa lagi. Kotak rokok dan puntung rokok bersepah-sepah di atas meja tulis itu. Ini bermakna, dia merokok di dalam bilik.

(Inspirasi Cinta, 2012:146-147)

dan:

"Emak, adik nampak abang hisap rokok, mak."

"Tunjuk kat mak ... mana dia. Kecik-kecik dah pandai merokok!"

Rahimi mengikuti Aku menaiki kereta, dan dia menunjukkan markas anak sulungku merokok bersama kawan-kawannya. Anak sulungku sudah pandai berkawan dengan anak teruna yang sudah bekerja. Di padang bola itulah tempat dia belajar merokok, sebelum dan sesudah mereka bermain bola. Bahkan, di situlah dia mendapat rokok percuma, daripada sekadar mencuba-cuba, akhirnya dia menjadi perokok.

(Inspirasi Cinta, 2012:147)

Latar tempat di dalam bilik tidur Rahimi menjadi perincian penceritaan. Petikan di atas menggambarkan Rahimi yang merokok di dalam biliknya tanpa pengetahuan Aku. Sebagai ibu yang mengharapkan anak-anaknya berada dalam keadaan sihat dan bebas daripada tabiat merokok, Aku telah menetapkan syarat bahawa tidak boleh merokok di dalam rumahnya. Namun begitu, dengan suasana di dalam bilik Rahimi menunjukkan yang dia telah melanggar disiplin Aku. Aku berasa begitu kecewa dengan sikap Rahimi. Rentetan daripada situasi itu, Aku mengimbas kembali peristiwa Rahimi memberitahu Aku tentang Fahmi yang merokok bersama-sama dengan kawannya di padang bola. Pada masa itu, apabila mendapatkan Fahmi yang sedang merokok, Aku bertindak kasar dengan memberikan hukuman yang agak kejam kepada Fahmi. Aku telah mencurahkan minyak petrol ke badan Fahmi tanpa mencucuh api. Aku beranggapan bahawa, dengan hukuman berat

begitu, Fahmi akan berhenti daripada tabiat merokok. Namun Aku silap. Rupa-rupanya di belakang Aku, Fahmi masih lagi merokok.

Pengakhiran cerita pula, pengarang memaparkan watak Aku dengan Rahimi akhirnya sedar atas kesilapan diri masing-masing. Pengarang menjalin isu Fahmi dan Rahimi terjebak dengan tabiat merokok adalah kegagalan Aku dalam menguruskan anak-anak remaja yang memerlukan perhatian dan belaian kasih sayang daripada ibu dan bapa. Aku sebagai ibu tunggal gagal memberikan perhatian kepada Fahmi dan Rahimi kerana lebih mengutamakan kerja sebagai editor majalah, dan masa bersama-sama dengan mereka dihadkan.

Lama kami terdiam. Akhirnya, Aku mengalah. Aku peluknya kemas-kemas. Sudah lama Aku tidak mendakap begitu, dan Aku berbisik kepadanya, "Maafkan mak. Mak sayangkan adik, mak tak nak sakitkan adik. Mak nak adik sedar sendiri, dan berhenti merokok dengan kehendak dan kesedaran adik sendiri. Bukan dipaksa-paksa, dan akhirnya adik menipu mak dan tetap merokok di belakang mak."

Rahimi membalas pelukanku. "Adik pun mohon maaf... ."

(Inspirasi Cinta, 2012:156)

Petikan di atas menunjukkan bahawa cara ajaran Aku kepada Fahmi adalah salah. Dengan hukuman kejam yang diberikan kepada Fahmi supaya berhenti daripada merokok tidak memberikan kesan kepada Fahmi, yang akhirnya Fahmi tetap merokok di belakang Aku. Maka dengan pembacaan buku motivasi menyedarkan Aku bahawa perhatian dan sentuhan kasih sayang ibu mampu melembutkan hati anak remaja dan yakin bahawa anaknya akan berubah. Didikan begitulah yang diaplikasikan oleh Aku kepada Rahimi. Walaupun pada dasarnya Rahimi berasa

ibunya tidak sayangkan dia kerana tidak memarahinya seperti marahkan Fahmi semasa merokok dahulu. Gambaran ini memperlihatkan kejayaan watak Aku dalam mendidik Fahmi dan Rahimi kerana berjaya menyedarkan mereka tentang bahaya merokok dan membawa mereka keluar daripada tabiat merokok.

Dari segi pembinaan watak pula, Aku digambarkan seorang wanita hebat dalam memenuhi tuntutan kerjanya sebagai editor majalah yang berdedikasi, tetapi dalam sisi yang lain Aku gagal dalam rumah tangga.

Keadaan kerja Aku yang selalu mengejar waktu tarikh terbit majalah yang Aku tangani, membuatkan masa Aku banyak dihabiskan di pejabat. Kalau Aku berada di rumah pun, Aku asyik mengulit kerjaku yang tidak habis-habis itu. Pada hujung minggu pula, Aku terpaksa meninggalkan rumah kerana melaksanakan tugas luar, bertemu penulis di luar Kuala Lumpur, atau berceramah tentang penulisan untuk mendapatkan bahan-bahan terbitan majalah yang Aku tangani.

(Inspirasi Cinta, 2012:143-144)

dan:

Aku tersenyum dalam kesayuan. Dalam benakku teringat kembali akan sajak tulisanku yang pernah tersiar dalam sebuah majalah. Aku membacanya semula dalam hatiku

....

Si ibu tunggal mengerti

tiada kasih abadi

kecuali kasih Ilahi

setelah kucing kesayangannya

hilang tak kembali seperti hilangnya kasih anak sendiri.

(Inspirasi Cinta, 2012:145)

Petikan di atas menunjukkan bahawa, Aku ialah pekerja yang berdedikasi. Tugas sebagai editor majalah memerlukan pengorbanan masa memandangkan proses penerbitan majalah mengikut tarikh yang ditetapkan pada setiap bulan. Keperluan untuk mendapatkan manuskrip daripada penulis memerlukan Aku keluar berceramah dan berjumpa dengan penulis bagi memastikan majalah dapat diterbitkan pada setiap bulan. Komitmen kerja yang diberikan oleh Aku menjadikan Aku antara editor yang paling lama menangani majalah tersebut. Namun dari sisi lain, Aku digambarkan seorang wanita yang gagal dalam rumah tangga. Aku sunyi dengan kehidupan tanpa suami dan tidak dihiraukan oleh anak-anak. Bagi Aku tiada kasih yang berkekalan kecuali kasih kepada Maha Pencipta.

Dalam menimbulkan konflik, pengkaji mendapati Aku berhadapan dengan konflik diri dalam menangani dirinya sebagai ibu. Kelihatan dua perwatakan Aku yang berbeza dipaparkan oleh pengarang. Pertama, perwatakan Aku sebagai ibu yang mendidik anak-anaknya dengan cara yang keras dan keduanya, Aku digambarkan seorang ibu yang bijak dalam mendekati anak remaja.

Petang itu, Aku membelasah anak sulungku sepuas-puasnya.

Marah dan kecewa membuatkan Aku hilang pertimbangan, hingga

Aku sanggup mencurah tubuhnya dengan minyak petrol. Nasib baik

Aku tidak mencucuhnya dengan api seperti dia mencucuh api pada

rokoknya.

(Inspirasi Cinta, 2012:147)

Berdasarkan petikan di atas, Aku digambarkan sebagai ibu yang kejam kerana memberikan hukuman yang berat atas kesalahan anaknya. Aku sanggup mencurahkan petrol ke badan Fahmi setelah berjaya menangkap Fahmi menghisap rokok bersama-sama dengan kawannya. Bagi Aku, apabila Fahmi sudah merokok seperti juga Fahmi membakar organ di dalam badannya. Fahmi patut dihukum sebegitu dengan tujuan Fahmi akan takut dan mula menghentikan tabiat merokoknya. Namun begitu, Aku silap dengan mendidik Fahmi. Malah Rahimi turut sama terjebak dengan tabiat merokok walaupun pada masa itu Rahimi turut bersimpati kepada Aku yang kecewa dengan Fahmi kerana terlibat dengan tabiat merokok.

Dalam membina watak Aku, pengarang memperlihatkan kebijakan dalam menyampaikan kritikan kepada pembaca. Di dunia ini, pelbagai cara dan kaedah yang digunakan oleh ibu bapa dalam mendidik anak-anak mereka. Cuma yang pasti sama ada didikan yang digunakan oleh ibu bapa tersebut berjaya melahirkan anak yang baik atau sebaliknya. Ternyata, bagi pengarang didikan dengan cara yang agak tegas dan keras tidak sesuai untuk menguruskan anak-anak terutamanya pada peringkat remaja. Maka itu, pengarang membina watak Aku dalam dua sisi yang berbeza.

Aku sudah lama tahu yang Rahimi merokok. Tetapi, sengaja Aku diamkan. Perlukah Aku membuat tindakan yang sama, berkasar dengannya, seperti Aku berkasar membelasah abangnya dahulu? Aku sudah serik, Aku tidak akan melakukan kekasaran itu lagi kepada anak-anakku, kerana paksaan tidak akan mengubah keburukan menjadi kebaikan. Anak sulungku juga tidak berhenti

merokok, biarpun setelah dia menerima hukuman berat daripada Aku. Di sekolah, dia mencuri-curi juga merokok, dan di kolejnya dia masih terus merokok.

(Inspirasi Cinta, 2012:149)

Petikan di atas menggambarkan Aku merupakan ibu yang belajar dari kesilapan lalu. Ternyata, didikan dengan cara paksaan dan kekerasan yang di gunakan oleh Aku tidak berjaya menyedarkan Fahmi supaya berhenti daripada tabiat merokok. Malah Rahimi juga terjebak sama dengan tabiat merokok. Menyedari kesilapannya itu, Aku mengambil pendekatan lain dalam mendidik anak-anak. Aku banyak membaca buku motivasi dalam usaha untuk mengubah cara didikan Aku terhadap anak-anak dan membawa mereka kembali ke pangkuan Aku dan berhenti daripada tabiat merokok.

Benarlah kata Prof. Dr. Muhaya Muhammad, doktor pakar mata dan pakar motivasi; anak kalau nakal, sebenarnya dia nak dapatkan perhatian ibu bapanya. Aku tak marah dia seperti Aku memarahi abangnya semasa merokok dulu pun, kerana Aku sayangkan dialah. Aku percaya, kalau Aku marah dan belasah dia pun tak guna. Kalau mindanya tak bersedia untuk berhenti merokok, dia tetap juga merokok.

(Inspirasi Cinta, 2012:156)

Aku digambarkan oleh pengarang berperwatakan bijak. Mengkaji cara didikan hukuman keras yang diberikan Fahmi gagal menghentikan tabiat merokok anaknya itu, maka Aku mengambil pendekatan untuk mengubah cara didikan Aku kepada Rahimi. Bagi Aku, anak-anak perlu disedarkan dengan cara mendekati mereka dan

berkomunikasi dengan cara lembut dan baik. Memanggil mereka dengan panggilan manja dan memberikan ganjaran kepada anak-anak apabila mereka berkelakuan baik. Situasi ini dapat dilihat melalui petikan di bawah.

"Baiklah, sayang, mak janji belikan motor baharu untuk adik, sama macam abang. Hadiah sempena hari jadi adik. Tapi, dengan syarat, adik kena jaga sembahyang adik, jangan tinggal sembahyang lima waktu, tak boleh melepak malam-malam seperti adik cakap tadi dan berhenti merokok."

Rahimi tersenyum meleret. "Betul ke mak? Syarat tu senang saja! Semuanya di bawah kawalan otak kita, mak. Katakan tidak! Tidak kepada rokok! Tidak kepada semua perkara yang tak elok!"

Mendengar Rahimi berkata dengan penuh semangat dan keyakinan, Aku mula percaya bahawa anakku akan berubah. Aku yakin, insya-Allah!

(Inspirasi Cinta, 2012:157)

Petikan di atas menunjukkan, dengan cara didikan yang lembut tanpa perlu berkasar dengan anak-anak, akhirnya jalan penyelesaian dapat dicapai dengan lebih mudah. Melalui sentuhan ibu kepada anak, dan memanggil anak dengan panggilan manja dan mesra akhirnya hubungan antara Aku dengan Rahimi juga dapat dipulihkan. Kini Aku memperoleh kembali kebahagiaannya apabila pengarang menggambarkan Fahmi sudah berhenti merokok dan Rahimi juga berjanji akan berhenti daripada tabiat yang tidak baik itu. Sememangnya itulah tugas yang perlu dilakukan oleh Aku untuk menciptakan kesejahteraan dunia dan akhirat. Seperti sabda Rasulullah SAW

Kekuatan cerpen *Nurasyikin Cucu Kesayangan* dan *Katakan Tidak!* terletak pada struktur karya yang tersusun dan terjalin kemas antara satu sama lain. Karya ini memiliki unsur koheren yang dapat dilihat menerusi perjalanan karya yang diatur mengikut turutan peristiwa serta saling mendukung antara satu sama lain. Jalinan koheren yang baik dan saling berkait menyebabkan kedua-dua cerpen ini berjaya meninggalkan kesan kepada pembaca dan berasa cerita yang dipaparkan itu logik. Hubungan antara prinsip koheren yang dijalin dalam kedua-dua cerpen ini berjaya meninggalkan kesan di hati pembaca. Jalinan antara plot serta peristiwa yang saling mendukung dan perwatakan yang saling berkait menyerlahkan aspek logik dan kebenaran.

5.0 Kesimpulan

Tema kasih sayang menjadi pilihan Rozninah Abd. Azib dalam *Inspirasi Cinta*. Dalam konteks ini, kasih sayang terlalu besar. Dalam *Inspirasi Cinta*, kasih sayang ini dibahagikan kepada kasih sayang kepada Pencipta dan kasih sayang sesama manusia. Walaupun tema ini dianggap sudah terlalu biasa untuk diperkatakan, namun berdasarkan analisis yang dibuat didapati setiap cerita yang dipaparkan memperlihatkan input yang berguna dan meninggalkan kesan yang mendalam kepada pembaca. Isu remaja yang terjebak dengan gejala merokok adalah isu relevan untuk diperkatakan kerana melibatkan generasi yang bakal memimpin negara pada masa akan datang. Maka itu, dalam cerpen *Katakan Tidak* memperlihatkan bagaimana pengarang mengajak ibu bapa dan orang di luar sana agar berusaha membendung gejala ini supaya masa hadapan remaja lebih terjamin.

Begitu juga dengan isu beriman kepada Allah swt. Segelintir masyarakat kita lebih gemar percaya kepada bomoh atau ilmu tahyul. Sekiranya inginkan sesuatu mereka lebih suka berjumpa bomoh, walhal kita dituntut untuk memohon kepada Allah swt. Orang Islam seharusnya berpegang teguh kepada ajaran agama agar di pengakhiran hidup nanti mendapat balasan yang baik daripada Allah swt. Isu yang sering dipandang ringan oleh masyarakat pada hari ini, dijadikan sebagai tema dalam cerpennya sehingga meninggalkan kesan yang luar biasa pada khalayak pembaca melalui daya ungkapannya.

Isu yang digunakan ini menunjukkan unsur logik melalui hubungan antara plot, peristiwa dan watak yang diwujudkan. Melalui koheren struktural, pengarang membina plot yang tersusun dan didukung dengan peristiwa yang berkaitan dengan isu yang digunakan. Setiap peristiwa didukung pula dengan peristiwa yang berikutnya dan memperlihatkan sebab akibat daripada peristiwa yang sebelumnya. Walaupun menggunakan teknik penceritaan yang berbeza, namun unsur koheren di antara setiap peristiwa masih saling berkait. Situasi yang sama digunakan dalam membentuk watak yang mendukung plot dan peristiwa dalam karya. Melalui hubungan ini, jelas memperlihatkan koheren perwatakan yang dibina oleh pengarang dalam mewujudkan karya yang dianggap benar serta relevan dengan masyarakat. Peristiwa yang dipaparkan dalam kumpulan cerpen remaja ini turut berlaku dalam masyarakat pada hari ini dan menyebabkan cerpen ini diterima oleh masyarakat pembaca.

Rujukan

Iyus Kurnia *et al* . 2013. *Al-Quran Al-Karim Al Haramain Terjemahan dan Tajwid*

Berwarna. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd

Richard West & H.Tuner Lynn. (2008). *Pengantar Teori Komunikasi, Analisis dan*

Aplikasi. Jakarta: Salemba Humanika.

Rozninah Abd. Azib. (2012). *Inspirasi cinta*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan &

Buku Malaysia Berhad.

Sidek Baba. (2016). "Al- Quran Membangunkan Tradisi Ijtihadik" dlm. *Dewan*

Tamadun Islam, Ogos hlm. 25.